

**KM JAS 13/2024**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**LAPORAN STATUS KUALITI UDARA  
DALAM NEGARA**

---

22 April 2024, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada jam 10 malam ini menunjukkan 21 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 47 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. Tiada stesen yang mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat.

Letusan Gunung Berapi Ruang, di Sulawesi Utara pada 9.45 pagi, 16 April 2024 lalu, **tidak menjejaskan kualiti udara di Sabah mahupun Sarawak.** Asap debu letusan tidak memberi kesan ketara kepada bacaan IPU stesen-stesen pengawasan kualiti udara di kedua-dua negeri tersebut. **Tiada peningkatan bacaan pencemar pepejal terampai (PM<sub>2.5</sub> dan PM<sub>10</sub>), sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>), Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>), Ozon (O<sub>3</sub>) dan Karbon**

Monoksida (CO) yang direkodkan.

**JAS akan terus memantau bacaan IPU dari masa ke semasa** dan bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' .

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia